

Minat dan kesungguhan perlu ada dalam diri

PERKARA asas yang perlu ada untuk mempelajari bahasa asing adalah minat.

Itu kata pelajar jurusan Bachelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu), UPM, Mohd Izzat Aidil Abdull Rahman, 23.

Menurutnya, minat yang ditambah dengan kesungguhan akan menjadikan proses pembelajaran bahasa ketiga berjalan lancar.

"Saya belajar bahasa Jerman di UPM dan tidak berdepan banyak masalah kerana saya sangat meminati bahasa ini."

"Lagipun, bahasa Jerman ini tak susah sangat sebab ada terma atau



MOHD IZZAT AIDIL

perkataannya sama dalam bahasa Inggeris jadi mudah nak ingat," katanya yang juga merupakan Timbalan Yang Dipertua, Persatuan Kebajikan Mahasiswa Anak Terengganu.

Sedikit nasihat Mohd Izzat terhadap pelajar yang akan mengikuti bahasa asing di salah sebuah pusat pengajian.

"Pilihlah bahasa yang biasanya dominan digunakan dalam negara sendiri dan mampu membantu kita di alam pekerjaan.

"Apa-apa pun betulkan minat dulu, bila dah ada minat pastinya kita dapat belajar dengan baik. Semoga berjaya," katanya.



Mohd Izzat Aidil (belakang, tiga kanan) bersama pensyarah, Nurul Hidayah Mohd Taufik (depan, tengah) ketika berakhiran kelas bahasa Jerman.